

More

Create blog Sign In

## Pasukan Gamelan SMK Kubang Bemban



abishai

Pasir Mas, Kelantan, Malaysia

Shaipuddin b Muhammad. Ber tugas di SMK Kubang Bemban Pasir Mas Kelantan. Telah mengajar sebagai guru muzik dari Jan 1994 hingga sekarang. Berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan Muzik dengan Kepujian (UPSI) dan sekarang sedang belajar diperingkat Sarjana Pendidikan Muzik di UPSI. Saya juga menyediakan perkhidmatan mengubah lagu-lagu sekolah, lagu nasyid, koir, gamelan dan juga yang berkaitan dengan muzik. Sebarang pertanyaan hubungi saya di 019-9369916.

[Lihat profil lengkap saya](#)

### Bicara

### Visitor

### Terma-Terma Asas Dalam Gamelan Melayu

**Perunggu.**  
Campuran daripada tembaga merah dan timah putih.

**Per dam.**  
Kaedah yang dilakukan untuk mematkan gema ataupun getaran yang dilahirkan oleh sesuatu alat.

**Resonator.**  
Kotak gema atau dengung.

**Mnemonik.**  
Satu sistem lambang yang dapat membantu ingatan berhubung dengan suara-suara yang diterbitkan oleh alat-alat muzik tersebut.

**Compound hole.**  
Lubang yang berganda.

**Kolotomik.**  
Alat yang berperanan sebagai penanda bagi keratan frasa-frasa lagu.

### Pautan serantau

awangbatil  
Dikir Barat  
Gambus  
Gendang  
Kar natak  
Tarian Dabus

### Sejarah Kemasukan

Apa yg pasti Gamelan Melayu (Pahang & Terengganu) yg terdapat kini di Malaysia yg juga asalnya dari warisan Kerajaan Riau Lingga adalah tersendiri dan tidak byk berubah dari sejak kemasukannya dulu, ini jelas kita lihat dari segi skel alatnya dan jumlah alatnya. Cuma masakini beber apa tambahan telah dilakukan (penggunaan kempol dan beber apa alatan lain) sebaliknya Gamelan Bali dan Jawa serta Sunda mgkin lebih elaborate dan maju, terutamanya Gamelan Jawa. Dari sejak kemasukan Gamelan ke Tanah Melayu pada 1811 bersempena majlis perayaan perandingan Wan Esah (adik Bendahara Pahang) dgn Tengku Hussain (Putera Sultan Lingga) kemudiannya berkembang seketika di bawah

Jumaat, 19 September 2008

### Pengenalan Alat-Alat Muzik Gamelan

Ensemble Gamelan Melayu terdiri daripada 7 alat utama:

#### 1. Bonang

Dikenali juga sebagai Keromong. Diistilahkan sebagai gong yang berukuran kecil dan diperbuat daripada 'perunggu'. Merupakan alat melodi utama. Mengandungi 2 oktaf yang berlaras "anahemitomik pentatonik" dan disongsangkan. Secara fizikalnya alat ini mempunyai bentuk seperti ti kendi dan sifat bunyinya "dengung". Dalam bahasa Jawa bonang yang beroktaf rendah dikenali sebagai "Wedok" manakala yang beroktaf tinggi dikenali sebagai "Lanang". Ianya menggunakan sistem notasi angka yang dikenali sebagai "French Cheve System" sempena nama pengasasnya iaitu Dr Emile Cheve dari Perancis.

#### 2. Gambang

Terdiri daripada bilah-bilah kayu yang disusun mengikut pic yang diatur diatas kotak kayu yang berfungsi sebagai Kotak Gema (resonator). Ada juga yang diperbuat daripada buluh dan kayu nibong yang dikatakan dapat menghasilkan suara atau bunyi yang lebih mantap. Ia mengandungi beber apa oktaf yang dijadikan sebagai alat melodi. Menggunakan 2 bilah alat pemukul khas bagi menghasilkan bunyi.

#### 3. Saron Pekin

Dikenali juga sebagai saron penerus. Sebagai alat melodi yang menggandakan melodi pokok. Dalam permainan ini teknik per dam dan cincang sering digunakan dan mampu menghasilkan suara yang lantang dan nyaring. Alat pemukul diperbuat daripada tanduk kerbau.

#### 4. Saron Barong

Mempunyai bentuk yang hampir sama dengan saron penerus. Juga berperanan sebagai alat yang membawa melodi pokok dan cincang. Alat pemukul diperbuat dari jenis kayu yang lembut.

#### 5. Kenong

Diperbuat daripada perunggu dan sebagai alat kolotomik yang dominan dalam rangkaian Gamelan Melayu di Malaysia.

#### 6. Gendang

Berperanan sebagai peyokong irama. Merupakan jenis gendang dua muka seperti tempayan. Ia dipukul dengan kedua belah tangan dan mampu menghasilkan suara mnemonik asas seperti "doh" pada permukaan besar dan mnemonik "tak" pada permukaan kecil.

#### 7. Gong

Dalam Ens Muzik Gamelan Melayu terdapat 2 buah gong digunakan iaitu gong Agung dan gong Suwukan.

Posted by [abishai](#) at 1:02 PG

### 3 ulasan:

**zubin berkata...**

sangat menarik, teruskan usaha, tahniah, harapan satu hari kita dapat berjumpa dan berkenal serta bekerjasama.

7 Julai 2010 4:19 PG

**rotu.usm berkata...**

[Salam kepada semua...nak mintak izin admin nak tumpang promosi perniagaan boleh tak... boleh la klik sini...terima kasih...peace](#)

9 Jun 2011 7:01 PG

**tamanraudhah berkata...**

Beri Laluan

Nilai 1g Morhabshi sama dengan 1g EMAS. [Benarkah?](#)

14 Disember 2011 6:45 PG

[Catat Komen](#)[Laman Utama](#)[Catatan Lama](#)

pemerintahan Sultan Ahmad Pahang seterusnya berpindah ke Terengganu kerana melalui proses yg sama(perkahwinan antara Tg Mar iam dgn Tg Sulaiman)cor ak dan car a per mainannya kekal sehingga sekarang. Tiada perubahan pun berlaku. Gamelan Pahang atau Tr engganu, memang berasal dari Jawa, hanya dari segi lagu dan cara per mainannya mengalami perubahan.Hal ini dapat dikesan dari nama-nama lagu seperti Beber Layar , Ayak, Ketawang, Geliyung, Bar ong, Topeng dan beber apa lainnya. Gamelan tersebut adalah merupakan koleksi istana Kerajaan Lingga yang didatangkan lengkap dengan pemain dan penarinya yang kemudian dibawa oleh Putr i raja Lingga karena menikah dengan putr a raja Pahang.Gamelan tersebut sekarang berada di Muzium Pekan.

Langgan: [Catat Ulasan \(Atom\)](#)

## Gamelan sempena Keputeraan Al Sultan Kelantan



## Persembahan di Jajahan Tumpat sempena Keputeraan Al Sultan



## Tentang Gamelan SMK Kubang Bemban

Pasukan ini terdiri daripada 10 orang pelajar . Kesemua mereka bermula dari tingkatan 1 lagi iaitu tahun 2004. Mereka diketuai oleh seorang pelajar perempuan. .Laili. .sar on dan dianggotai oleh Eee pemain gong, Bashir . .gambang, Madi & Lan. .gendang, Saphia. .sar on, Suhaila & Hidayah. .Peking dan tini. .kenong. Mereka ini telah mengadakan persembahan di merata tempat khususnya di Kelantan. Disiplin mereka begitu bagus & baik sekali sehinggakan mer eka berjaya memper olehi 7A & 8A dlm PMR 2006. Mereka ber main gamelan ini sehingga awal 2008. Namun sekarang pasukan ini telah diubah suai dengan membuat gabungjalin diantara muzik-muzik lain seperti caklempung, angklung dan komping. Per sembahan per tama mereka telah dilancarkan melalui Web TV secara online pada pertengahan ogos 2008. Semoga pasukan ini akan terus maju disamping mengekalkan kecemerlangan akademik berseesuaian dengan sekolah kawalan dan Sekolah Angkat Menteri Pelajaran Malaysia.